

## Program anak angkat IPT harmonikan hubungan pelajar dengan penduduk

ST 07/12/07 Pg. 10

**CHENDERING** — Program anak angkat ialah langkah terbaik dalam usaha mewujudkan hubungan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) agar lebih bertanggungjawab dan bersama-sama terlibat dalam kegiatan komuniti.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Raja, Che Ku Setia Long, berkata, mahasiswa dan mahasiswi dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang menjadi anak

angkat kepada penduduk kampung perlulah mengambil pengalaman selama berada bersama keluarga angkat.

"Program Rakan Muda Wawasan Desa IPT Peringkat negeri Terengganu mampu memberi pendedahan kepada mereka tentang cara kehidupan masyarakat kampung membabitkan aspek pergaulan."

masyarakat kampung membabitkan aspek pergaulan," katanya.

Katanya lagi, pelajar UMT dapat memperkembangkan ilmu yang mereka peroleh dengan lebih baik dan berkesan se lain memberi motivasi kepada anak penduduk kampung terbabit.



**“** Program Rakan Muda Wawasan Desa IPT Peringkat negeri Terengganu mampu memberi pendedahan kepada mereka tentang cara kehidupan masyarakat kampung membabitkan aspek pergaulan.”

■ Che Ku Setia Long

**Aktifkan  
Komuniti Anda**